



	TEKUN NASIONAL
KOD ETIKA PEMBEKAL TEKUN NASIONAL	
Tarikh Kuat kuasa : 19/09/2023	No. Dokumen : JIPR/REKOD/01

# **KOD ETIKA PEMBEKAL TEKUN NASIONAL**

**(NO ISU: 01/2023)**

DISEDIAKAN OLEH  
JABATAN INTEGRITI DAN PENGURUSAN RISIKO  
TEKUN NASIONAL  
NO.TELEFON : 03-9059 8844  
E-MEL : [integriti@tekun.gov.my](mailto:integriti@tekun.gov.my)

## KOD ETIKA PEMBEKAL TEKUN NASIONAL

### 1.0. PENGENALAN

- 1.1. TEKUN Nasional komited terhadap proses perolehan yang memupuk saingan yang adil dan terbuka serta dilaksanakan di bawah piawaian etika yang tinggi dan diyakini oleh orang awam. Untuk mencapai matlamat ini, TEKUN Nasional telah menerima pakai Kod Etika Pembekal yang menetapkan piawaian proses perolehan melebihi piawaian yang digunakan sekarang.
- 1.2. Kod Etika Pembekal TEKUN Nasional ini menggariskan prinsip-prinsip dan tahap tingkah laku yang dijangkakan daripada setiap pembekal atau wakil pembekal untuk membekal barang dan perkhidmatan kepada TEKUN Nasional.
- 1.3. Untuk menyokong pematuhan Kod ini, pembekal hendaklah memastikan Kod Etika Pembekal TEKUN Nasional ini dikongsi bersama dengan semua individu yang ditugaskan untuk melaksanakan kerja atau bagi pihak TEKUN Nasional. Semua kerja berkaitan TEKUN Nasional perlu dilaksanakan oleh individu dengan kemahiran dan kepakaran untuk menegakkan prinsip dan memenuhi standard dalam Kod.

### 2.0. TAKRIFAN

- 2.1. Terma-terma yang digunakan dalam Kod ini dan mempunyai maksud seperti berikut:
  - i. **TEKUN Nasional**  
Bermaksud TEKUN Nasional dan anak syarikatnya.
  - ii. **Warga kerja TEKUN Nasional**  
seseorang yang bekerja dengan TEKUN Nasional secara tetap, sementara, kontrak atau pinjaman;

iii. **Pembekal**

bermaksud individu atau entiti yang berurusan atau membuat urus niaga dengan TEKUN Nasional dalam skop kod etika ini dan termasuklah pembekal yang dilantik TEKUN Nasional dan bercadang untuk mengadakan atau sedang dalam kontrak dengan TEKUN Nasional

iv. **Wakil Pembekal**

bermasuk kontraktor, perunding, pembekal, pengilang yang bertindak bagi pihak pembekal, juga termasuk mana-mana sub-kontraktor, sub-perunding dan sub-pembekal kepada pembekal.

v. **Hadiah**

bermaksud pemindahan, tanpa nilai yang bersamaan apa-apa barang atau kepentingan, yang nyata atau tidak nyata termasuk tetapi tidak terhad kepada pinjaman, aku janji, perkhidmatan, keraian, hospitaliti, janji, tiket hiburan, atau kejohanan sukan, perjalanan hujung minggu, permainan golf, pinjaman peralatan, atau lain-lain barang atau kepentingan yang bermaksud untuk mempengaruhi atau memberikan ganjaran kepada individu atau entiti.

vi. **Ahli Keluarga**

bermaksud anggota keluarga dan termasuk suami-isteri, ibu-bapa, anak (termasuk anak angkat dan anak tiri), saudara lelaki dan saudara perempuan warga kerja TEKUN Nasional serta suami/isteri kepada anak, saudara lelaki atau saudara perempuan warga kerja TEKUN Nasional.

vii. **Pegawai Pengantara (*contact person*)**

bermaksud mana-mana warga kerja TEKUN Nasional yang ditugaskan bagi mengendalikan urusan perolehan tender, sebut harga atau pembelian terus dari mula dikeluarkan sehingga lah

semua urusan pembekalan dilaksanakan oleh pembekal atau wakil pembekal.

viii. **Perhubungan yang dilarang**

bermaksud perhubungan secara lisan atau bertulis dengan mana-mana warga kerja, Ahli Lembaga Amanah, Ahli Lembaga Pengarah atau lain-lain warga kerja TEKUN Nasional, selain daripada Pegawai Pengantara yang mana boleh secara munasabah diandaikan bahawa perhubungan tersebut bertujuan untuk mempengaruhi atau secara munasabah boleh mempengaruhi perkara-perkara yang berkaitan dengan perolehan tersebut.

Larangan ini termasuklah dan tidak terhad kepada perjumpaan peribadi, komunikasi telefon, surat, faks dan e-mel. Larangan ini tidaklah termasuk perhubungan dengan warga kerja TEKUN Nasional atas sebab untuk perbincangan tentang kerja yang sedang dilakukan yang mana tiada kaitan dengan urusan perolehan yang sedang dalam tindakan.

### **3.0. SEKATAN PERHUBUNGAN DENGAN TEKUN NASIONAL**

Pegawai pengantara akan dilantik atau ditugaskan bagi setiap urusan tender, sebut harga dan perundingan perolehan oleh TEKUN Nasional. Apabila pegawai pengantara telah dilantik, pembekal atau wakil pembekal tidak dibenarkan membuat perhubungan dengan mana-mana warga kerja TEKUN Nasional melainkan perhubungan tersebut dibenarkan oleh pegawai pengantara dalam tempoh urusan perolehan sedang dalam tindakan.

### **4.0. PRINSIP-PRINSIP KOD ETIKA PEMBEKAL**

4.1. Pembekal perlu menjalankan perniagaan mengikut standard etika yang tinggi, termasuk pematuhan kepada prinsip-prinsip yang berikut:

i. **Jujur melaksanakan tanggungjawab**

Pembekal dan wakil pembekal hendaklah menjalankan transaksi perniagaan dan aktiviti-aktiviti dengan jujur, amanah, bertanggungjawab dan berintegriti. Disamping itu, semua pembekal dan wakil mereka hendaklah:

- merekod dan melaporkan secara jujur dan tepat semua maklumat perniagaan;
- bertanggungjawab menjaga aset fizikal dan intelektual TEKUN Nasional, termasuk harta tanah serta bekalan dan peralatan apabila diberi kuasa oleh TEKUN Nasional untuk menggunakan aset tersebut; dan
- memastikan semua rekod, komunikasi dan pendedahan yang berkaitan dengan TEKUN Nasional dibuat dengan penuh adil, tepat pada masanya dan boleh difahami.

ii. **Mematuhi undang-undang**

Pembekal dan wakil pembekal hendaklah menerima dan mematuhi semua peraturan TEKUN Nasional serta pindaannya dari semasa ke semasa ketika menjalankan perniagaan mereka. Selain itu, semua pembekal dan wakil pembekal hendaklah:

- mematuhi terma dan syarat-syarat yang telah dipersetujui di dalam perjanjian kontrak;
- mematuhi semua peraturan dan undang-undang sivil dan/atau jenayah negara;
- mematuhi undang-undang berkenaan rasuah dan sogokan termasuk Akta Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694); dan
- mematuhi semua undang-undang dan peraturan alam sekitar yang berkaitan dengan bahan-bahan berbahaya, perlepasan udara, bahan buangan dan sisa buangan.

iii. **Menjauhi rasuah**

Pembekal dan wakil pembekal tidak akan, secara langsung atau tidak langsung, meminta, menawar, memberi atau berjanji untuk

memberi sesuatu ganjaran berbentuk wang, barang atau perkhidmatan kepada mana-mana warga kerja TEKUN Nasional sebagai balasan untuk keputusan, pendapat, undian atau tindakan lain yang mempengaruhi sebarang keputusan perolehan. Selain itu, semua pembekal dan wakil pembekal hendaklah:

- tidak bersubahat dalam melakukan aktiviti yang berunsur rasuah; dan
- segera melaporkan kepada pihak pengurusan TEKUN Nasional jika terdapat perlakuan atau cubaan rasuah dilakukan oleh warga kerja TEKUN Nasional atau pembekal lain.

#### **iv. Hadiah atau yuran (fee) luar jangkaan**

Pembekal yang mempunyai percanggahan atau berpotensi mempunyai percanggahan kepentingan dengan mana-mana warga kerja TEKUN Nasional, hendaklah memaklumkan dengan segera kepada pihak pengurusan TEKUN Nasional sama ada sebelum atau selepas pelantikan dan pemilihan. Pihak pengurusan TEKUN Nasional berhak dalam membuat keputusan menentukan sama ada pembekal tersebut perlu menarik diri atau sebaliknya.

##### **• Tiada tolak ansur**

Pembekal tidak dibenarkan menawarkan atau memberi hadiah sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada mana - mana warga kerja TEKUN Nasional. Dalam keadaan yang sama pembekal tidak dibenarkan menawar atau memberi apa-apa hadiah secara langsung atau tidak langsung kepada ahli kelurga warga kerja TEKUN Nasional.

##### **• Perhubungan peribadi**

Pemberian hadiah adalah sama sekali dilarang apabila ianya diberikan dalam keadaan yang mana secara munasabah dapat diandaikan sebagai mempunyai niat untuk mempengaruhi warga kerja TEKUN Nasional dalam melaksanakan tugas rasminya.

##### **• Yuran luar jangkaan**

Pembekal tidak akan menggunakan khidmat atau mengambil mana-mana individu atau entiti untuk berunding atau mendapat

kontrak TEKUN Nasional atas apa-apa perjanjian atau persefahaman untuk membayar komisen, kadar peratusan, yuran broker atau yuran yang tertakluk atau bergantung kepada keputusan perolehan yang sedang dalam tindakan.

v. **Tiada pakatan**

• **Penilaian tender/sebut harga secara bebas**

Pembekal akan membuat perkiraan harga yang terkandung dalam mana-mana tender atau sebut harga secara berasingan tanpa sebarang pakatan, perundingan, komunikasi atau persetujuan dengan mana-mana pembekal saingan yang bertujuan mengurangkan saingan semasa tender atau sebut harga dibuat kepada TEKUN Nasional.

• **Tiada sebarang komunikasi tentang tender/sebut harga**

Harga yang disebut oleh pembekal dalam tender atau sebut harga tidak akan dihebahkan oleh pembekal secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana pembekal lain yang memasuki tender atau sebut harga sebelum tarikh tutup tender atau sebut harga tersebut.

• **Penyerahan tender/sebut harga**

Pembekal tidak dibenarkan membuat apa-apa cubaan untuk menggalakkan mana-mana individu atau entiti lain untuk membuat atau tidak memasuki tender atau sebut harga kepada TEKUN Nasional.

vi. **Bertanggungjawab ke atas maklumat sulit dan aset TEKUN Nasional**

• **Maklumat sulit**

Pembekal hendaklah melindungi kerahsiaan, integriti dan maklumat yang sedia ada yang diamanahkan kepada mereka oleh TEKUN Nasional melainkan jika pendedahan tersebut dibenarkan oleh TEKUN Nasional atau maklumat bersebut dikehendaki oleh undang-undang dan mahkamah.

- **Aset TEKUN Nasional**

Semua pembekal dan wakil pembekal hendaklah mematuhi hak-hak pemilikan harta intelek TEKUN Nasional termasuk tetapi tidak terhad kepada hak cipta, paten, tanda dagangan dan rahsia perdagangan. Teknologi maklumat dan sistem yang disediakan oleh TEKUN Nasional hanya boleh digunakan untuk tujuan yang berkaitan dengan perniagaan TEKUN Nasional. Pembekal dan wakil pembekal dilarang daripada menggunakan teknologi dan sistem yang disediakan oleh TEKUN Nasional untuk mencipta, mengakses, menyimpan, mencetak, meminta atau menghantar sebarang bahan yang mengganggu, mengancam, kesat, luah atau menghantar sebarang komunikasi palsu, menghina atau berniat jahat.

vii. **Kepentingan kualiti piawaian dan kemahiran**

Semua pembekal dan wakil pembekal hendaklah sentiasa memberi dan meningkatkan piawaian etika serta kualiti kerja yang tinggi ketika menyempurnakan urusniaga. Semua pembekal dan wakil pembekal hendaklah:

- memperoleh lesen/permit yang diperlukan sebagai pembekal barang atau perkhidmatan untuk TEKUN Nasional;
- menyediakan tenaga kerja berkemahiran tinggi, mencukupi dan berkualiti dalam menyempurnakan urusniaga; dan
- mengguna dan membekalkan peralatan yang memenuhi kualiti yang ditetapkan bagi menjalankan aktiviti yang dipertanggungjawabkan.

viii. **Penghormatan kepada individu dan masyarakat**

- Semua pembekal mestilah mengutamakan perasaan hormat-menghormati terhadap semua pihak yang terlibat dalam sesebuah kontrak termasuklah menghormati nilai sejarah, agama, kepercayaan dan kebudayaan masyarakat sepanjang tempoh melaksanakan kontrak.

- Semua pembekal mestilah mengelak dari mengamalkan diskriminasi dalam bentuk berasaskan kaum, umur, jantina, negeri dan negara asal, keupayaan atau orientasi seksual dalam masa perlaksanaan kontrak.
- Semua pembekal perlu memastikan bahawa setiap pekerja disediakan persekitaran kerja yang memuaskan, dilayan dengan adil, dibayar dengan ganjaran yang setimpal dan membantu mereka dari aspek pembangunan kerjaya serta kebajikan dengan sewajarnya.

## 5.0. PEMATUHAN

- 5.1. Pematuhan terhadap prinsip-prinsip dan peraturan yang telah dinyatakan di dalam Kod ini adalah diwajibkan kepada semua pembekal dan wakil-wakilnya yang berurusan dengan TEKUN Nasional. Oleh itu, pembekal hendaklah:
- i. membaca dan memahami Kod ini;
  - ii. memasti dan mendidik kakitangan atau wakil pembekal atau sub kontraktor bahawa mereka memahami dan mematuhi Kod Etika ini.
  - iii. melaporkan dengan segera ketidakpatuhan atau pelanggaran Kod ini oleh mana-mana pihak kepada pihak pengurusan TEKUN Nasional yang dilantik;
  - iv. memberi kerjasama sepenuhnya terhadap siasatan yang dibuat; dan
  - v. mengisi perakuan pematuhan Kod Etika Pembekal TEKUN Nasional seperti di **Lampiran** dan menghantar perakuan tersebut kepada Pegawai Pengantara TEKUN Nasional.

## 6.0. PELANGGARAN KOD

- 6.1. Sebarang pelanggaran atas mana-mana peruntukan dalam kod etika pembekal ini, TEKUN Nasional boleh mengambil tindakan mengikut undang-undang atau sepertimana yang telah dipersetujui oleh pihak-

pihak dalam apa-apa kontrak, termasuk tetapi tidak terhad, kepada mengisyiharkan pembekal sebagai tidak bertanggungjawab atau melanggar kontrak atau dihalang dari meneruskan urusan pembekalan.

- 6.2. Pembekal hendaklah patuh sepenuhnya kepada semua undang-undang dan peraturan-peraturan berkenaan rasuah, sogokan dan amalan perniagaan yang dilarang. Pelanggaran kod etika pembekal ini atau sebarang peruntukan di bawahnya boleh menyebabkan pembekal dikenakan hukuman jenayah atau sivil mengikut undang-undang.
- 6.3. Antara tindakan yang akan dikenakan atas ketidakpatuhan kepada kod ini adalah:
  - i. Penalti/denda;
  - ii. Penamatan kontrak; dan
  - iii. Disenaraihitam atau dibatalkan pendaftaran untuk tempoh tertentu bagi ketidakpatuhan yang berulang.

## 7.0. PERTANYAAN DAN PELAPORAN

- 7.1. Sebarang kemosykilan/persoalan berkaitan Kod Etika Pembekal atau jika ada aduan salah laku oleh Warga Kerja TEKUN Nasional dalam pelaksanaan Kod Etika Pembekal, pembekal boleh menghubungi terus Ketua Pegawai Integriti TEKUN Nasional di saluran berikut:

**Ketua Pegawai Integriti  
TEKUN Nasional  
Menara 5, Lingkaran Maju,  
Jalan Lingkaran Tengah 2,  
Bandar Tasik Selatan,  
57000 Kuala Lumpur.  
Nombor telefon: 03-9059 8844  
Emel: [integriti@tekun.gov.my](mailto:integriti@tekun.gov.my)**

- 7.2. Pembekal digesa melaporkan dengan segera sebarang salah laku yang menyalahi undang-undang atau amalan tidak beretika dan pelanggaran

terhadap kod etika pembekal ini oleh mana-mana warga kerja TEKUN Nasional. Semua isu atau aduan yang dilaporkan oleh pembekal dengan segala usaha yang munasabah akan dirahsiakan identiti orang yang membuat laporan tersebut.

#### **8.0. TARIKH KUAT KUASA**

Pelaksanaan Kod Etika Pembekal TEKUN Nasional berkuat kuasa mulai 19 September 2023 .

#### **9.0. PENUTUP**

Diharap kod etika ini akan menjadi rujukan yang efektif dan berkesan ke arah meningkatkan kualiti pembekalan kerja, perkhidmatan dan barang di TEKUN Nasional.

**LAMPIRAN****PERAKUAN PEMATUHAN KOD ETIKA PEMBEKAL TEKUN NASIONAL**

Saya/Kami dengan ini mengesahkan bahawa saya/kami telah membaca dan memahami Kod Etika Pembekal TEKUN Nasional dan saya/kami faham bahawa Kod Etika Pembekal TEKUN Nasional ini meliputi semua individu atau entiti yang berurusan atau membuat urusniaga dengan TEKUN Nasional termasuk dan tidak terhad kepada Sub-Kontraktor, Sub-Perunding, Sub-Pembekal serta Pengilang yang bertindak bagi pihak saya/kami.

Saya/kami dengan ini bersetuju bahawa saya/kami akan mematuhi sepenuhnya semua peruntukan Kod Etika Pembekal TEKUN Nasional ini dan memahami tanggungjawab saya/kami untuk melaporkan segera apa-apa kejadian pelanggaran Kod Etika Pembekal TEKUN Nasional yang diketahui atau mungkin timbul dari pelanggaran Kod Etika Pembekal TEKUN Nasional kepada TEKUN Nasional.

Saya/kami juga mengesahkan bahawa saya/kami memahami sebarang pelanggaran atas mana-mana peruntukan dalam Kod Etika Pembekal TEKUN Nasional ini, TEKUN Nasional boleh mengambil tindakan mengikut undang-undang atau sepertimana telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak dalam apa-apa kontrak, termasuk tetapi tidak terhad, kepada mengisyiharkan Pembekal sebagai tidak bertanggungjawab, telah melanggari kontrak atau dihalang dari meneruskan urusan pembekalan.

<b>Cap Syarikat</b>	<b>Tandatangan Pembekal</b>
<b>Nama Pembekal</b>	